

# UMT A ada kekuatan tersendiri

KOSMO 08/08/07 pg.5

Oleh MANIRAH OTHMAN  
manirah@kosmo.com.my

"NAMPAK kecil tapi kami ada kekuatan."

Itulah amaran pasukan futsal wanita Universiti Malaysia Terengganu (UMT) A yang akan memberikan saingan pada Kejohanan KOSMO! Varsiti Futsal Zon Timur, hujung minggu ini.

Biarpun fizikalnya kecil, namun pasukan ini memberi gambaran awal kepada pasukan lain supaya tidak memandang enteng kekuatan yang mereka miliki.

Kapten pasukannya, Uzli fa Uyob memberitahu, bentuk fizikal tidak akan menggentarkan mereka untuk berdepan dengan pasukan yang lebih kuat.

"Itu hanyalah permainan emosi sahaja kerana apa yang perlu ada bagi sesebuah pasukan ialah skil dan ketangkasan yang baik," katanya.

Tambahnya, semua pakej itu ada pada ahli pasukan-



nya yang mempunyai banyak pengalaman bermain futsal biarpun pasukan itu baru ditubuhkan awal tahun ini.

Sandaran utama diletakkan kepada ayam tambatan mereka, Wan Noor Ashekin Tanjungh yang mempunyai kemahiran dalam permainan futsal.

Pemain lain yang tidak kurang hebatnya ialah Noor Adelinawani Mohd. Ali, Nur Syuhada Osman dan Mardiah Rahim.

Pasukan ini akan bersaing dengan 12 pasukan lain bagi kategori wanita terbuka yang akan diadakan di gelanggang terbuka UMT, Jumaat dan Sabtu ini.



UMT A akan memberi persembahan bertenaga selaku tuan rumah bagi kategori wanita pada Kejohanan Kosmo! Varsiti Futsal peringkat Zon Timur di Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu, hujung minggu ini.

